

BAB 1

PENDAHULUAN

PENGENALAN

Kedudukan adat sebagai sumber pembentukan hukum telah diterima dalam perundangan Islam. Ia diiktiraf dalam menyelesaikan perkara-perkara *ijtihādiyyah*. Fuqaha berselisih pendapat dari sudut penerimaannya sebagai sumber dasar dalam mazhab masing-masing. Kesan perselisihan ini juga telah menimbulkan kepelbagaiannya corak kefahaman terhadap hukum *syara'* yang akhirnya membawa kepada timbulnya pandangan yang pelbagai.

Kewujudan adat sinonim dengan kehidupan sesebuah masyarakat. Ia berperanan penting dalam mewujudkan keharmonian dikalangan masyarakat. Selain itu, adat juga dapat membentuk kerjasama dan ketaataan masyarakat terhadap ketua yang menjaga mereka. Adat yang wujud adalah berbeza berdasarkan suasana tempat dan mentaliti yang didiami oleh sesebuah masyarakat. Walaupun ia berbeza, Islam mampu menangani perbezaan ini dengan ciri-ciri khusus yang terdapat di dalamnya.

Adat diperakui kedudukannya sebagai salah satu sumber hukum Islam selama ia menepati teori *al-'Urf wa al-'Ādah*. Teori ini juga merupakan antara contoh sumber perundangan sekunder yang digunakan oleh fuqaha di dalam menyelesaikan pertikaian sesuatu hukum. Sebagai contoh, Abū Ḥanīfah mengiktiraf '*urf* sebagai sebahagian daripada prinsip-prinsip *al-Istihsān*, al-Imām Mālik melalui penerimaan amalan ('*urf*) penduduk Madinah dan al-Syāfi'i juga

dikatakan menerima konsep ‘urf ini berdasarkan adanya *qawl jadid* (Mesir) dan *qawl qadim* (Iraq) yang terdapat di dalam mazhabnya.¹

Berasaskan autoriti yang dimiliki oleh adat dan kesannya yang besar terhadap pembentukan hukum *syara'*, fuqaha telah membentuk suatu prinsip ilmu yang dikenali sebagai ilmu kaedah *fiqh* yang merangkumi di dalamnya konsep *al-Ādah al-Muḥakkamah*.² Penerimaan adat sebagai salah satu sumber hukum Islam tidak terhad kepada adat yang diamalkan oleh orang Arab sahaja bahkan manapun adat yang menepati ciri-ciri hukum Islam turut diterima pakai. Setiap hukum yang dibina berdasarkan adat akan sentiasa mengalami perubahan. Perubahan ini menunjukkan bahawa Syariah Islam mampu bergerak seiring dengan perubahan zaman.

LATAR BELAKANG MASALAH KAJIAN

Orang Melayu kaya dengan adat. Keunikan adat ini bukanlah penghalang kepada penerimaan Islam dikalangan masyarakat Melayu. Beberapa penyesuaian telah dilakukan oleh fuqaha tempatan dengan mengambil kira realiti beberapa adat yang diamalkan oleh masyarakat setempat dalam menetapkan sesuatu hukum. Contoh yang jelas adalah konsep harta sepencarian yang diamalkan oleh orang Melayu.³ Penerimaan adat Melayu sebagai salah satu sumber pembentukan

¹ Abd. al-Wahhāb Khallāf (1970M/1390H), ‘Ilmu Usūl al-Fiqh, c. 9. Kuwait: Dār al-Qalam, h. 90.

² al-Imām Jalāl al-Dīn ‘Abd. al-Rahmān b. Abī Bakr al-Suyūtī (1998M/1419H), *al-Asybāh wa al-Naẓā’ir fi Qawā'id wa Furu' Fiqh al-Syāfi'iyyah*, j. 1. Lubnan: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 193-224.

³ Suwaid Tapah (1996), “Elemen Sumbangan Dalam Amalan Pembahagian Harta Sepencarian di Malaysia”, *Monograf Syariah*, Bil. 4 Mei 1996. Universiti Malaya: Bahagian Pengajian Syariah, APIUM, h. 66-82.

hukum Islam ini menunjukkan bahawa Islam mengamalkan sikap toleransi terhadap adat yang diamalkan oleh sesebuah masyarakat.

Adat yang wujud adalah berbeza mengikut mentaliti pemikiran, geografi dan pengaruh kondisi sekeliling. Perbeaan ini juga memberi kesan terhadap hukum yang diputuskan oleh fuqaha. Penerimaan konsep adat sebagai sumber hukum mendorong penulis untuk mengkaji dengan lebih mendalam mengenainya. Bertitik tolak dari permasalahan ini, penulis akan cuba menyelidiki kepelbagaiannya adat yang diamalkan oleh orang Melayu dalam konteks penerimaannya sebagai salah satu sumber pembentukan hukum Islam yang akan dianalisa berdasarkan kerangka teori *al-'Urf wa al-'Ādah*.

KENYATAAN TENTANG MASALAH KAJIAN

Konsep ijтиhad yang dipraktikkan oleh fuqaha di dalam membentuk sesuatu hukum telah diperakui kepentingannya dalam Islam. Oleh itu, para mujtahid akan sentiasa terdedah kepada pengaruh suasana dan mentaliti yang berbeza-beza di dalam membentuk sesuatu hukum. Antara aspek utama yang mempengaruhi perbeaan tersebut ialah kepelbagaiannya adat yang diamalkan oleh sesebuah masyarakat. Pembentukan hukum melalui pengaruh adat ini bukanlah bermakna adat merupakan suatu kaedah yang terpisah daripada al-Quran dan al-Sunnah, bahkan ia perlu bersumberkan kepada kedua-duanya. Selain itu juga, penilaian perlu dilakukan berdasarkan prinsip-prinsip yang terkandung di dalam teori *al-'Urf wa al-'Ādah*.

Kepelbagaiannya adat yang menjadi amalan dikalangan masyarakat Melayu juga boleh dijadikan sebagai sumber hukum Islam selagi ia menyenepati kehendak dan ciri-ciri perundangan Islam. Namun dikalangan para sarjana samada sarjana Barat atau Islam selalunya menggunakan pendekatan yang salah dalam mentafsir kedudukan sebenar adat Melayu.⁴ Punca utama yang menyebabkan tanggapan sebegini berlaku ialah kekeliruan dalam memberi definisi sebenar terhadap maksud kebudayaan dan sikap negatif yang biasanya dipegang oleh sarjana Islam sendiri terhadap persoalan adat dan kesenian Melayu.⁵ Kesannya, adat Melayu seringkali dianggap tidak berautoriti untuk dijadikan panduan dalam membentuk sesuatu hukum yang sesuai dengan masyarakat tempatan.

OBJEKTIF KAJIAN

Tajuk disertasi ini ialah “Adat Melayu sebagai sumber hukum : penilaian dari perspektif teori *al-'Urf wa al-'Ādah*”. Penulis berminat untuk mengkaji tajuk ini adalah disebabkan :

- 1) Untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas terhadap kefahaman sebenar adat Melayu serta kepentingannya.
- 2) Untuk menyelidiki asas-asas yang mempengaruhi pembentukan adat Melayu seterusnya menilai sejauh manakah orang Melayu mengadaptasikan adat tersebut dalam kehidupan seharian.

⁴ Rahimin Afandi Abd Rahim (2002), “Adat dan Kesenian Melayu: Satu Tafsiran Dari Perspektif Islam” (Kertas Kerja Seminar Adat dan Kesenian Melayu Mengikut Perspektif Islam di Institut Seni Melaka Malaysia (ISMMA), Melaka, 2 Oktober 2002), h. 1.

⁵ *Ibid.*, h. 1-3.

- 3) Untuk mengkaji kaitan antara adat Melayu dengan adat yang diiktiraf dalam perundangan Islam melalui penganalisaan terhadap empat syarat yang terdapat dalam teori *al-'Urf wa al-'Ādah*.
- 4) Untuk memperjelaskan bahawa adat tempatan yang diamalkan oleh masyarakat Melayu mempunyai autoriti untuk dijadikan sumber rujukan hukum yang bersifat semasa dan setempat sesuai dengan realiti di Malaysia.
- 5) Untuk memberi cadangan kepada pihak yang berkenaan tentang kedudukan dan peranan adat yang sepatutnya diikuti sebelum diamalkan. Ini dapat dilaksanakan dengan mengemukakan suatu mekanisme yang dapat dijadikan panduan oleh penggubal dan pengamal adat Melayu di dalam membuat penilaian dan tafsiran terhadap sesuatu adat.

KERANGKA TEORI KAJIAN

Di dalam penulisan ini dikemukakan beberapa kerangka teori yang digunakan. Teori tersebut ialah :

- 1) Terdapat dua sumber pembentukan hukum Islam iaitu sumber statik dan sumber fleksibel (*murūnah*). Kedua-dua sifat ini berupaya menjadikan hukum Islam sebagai sesuatu yang unik sebagaimana yang dinyatakan oleh Mahmood Zuhdi :

Ianya di suatu pihak dilihat sebagai terlalu ketat kerana tidak akan pernah mengalami perubahan prinsip di dalamnya, sedangkan di suatu pihak yang lain pula dipandang sebagai cukup fleksibel

kerana sentiasa melayani kehendak perubahan masa dan keadaan.⁶

Sumber statik ialah sumber yang tetap dan tidak akan mengalami apa jua perubahan walaupun suasana persekitarannya berubah kerana nas kebenarannya di luar pengaruh masa dan tempat.⁷ Ianya didapati dalam al-Quran dan al-Sunnah. Kedua-duanya terangkum dalam wahyu yang sifatnya *mugaddas*, *muṭlaq* dan *syūmūl*⁸ dan sentiasa terdedah kepada pengaruh kefahaman manusia dalam menanggapi dan mentafsirkan maksudnya.⁹

Manakala sumber kedua pula sebaliknya. Ini kerana, kebanyakan sumber hukum ini dipengaruhi oleh kefahaman yang dibina berlandaskan kepada metodologi tertentu yang dikenali sebagai *Uṣūl al-Fiqh*¹⁰ seperti *al-Istihsān*, *Syar' man Qablanā*, *al-'Urf wa al-'Ādah* dan sebagainya. Perubahan ini bukan bererti hukum tersebut dimansuhkan, tetapi ia berubah disebabkan adanya *maslahah* tertentu. Gabungan kedua-dua sumber hukum Islam ini mampu menjadikan Syariah Islam dilaksanakan untuk sepanjang masa.

2) Teori hukum Islam semasa. Perkembangan setempat sentiasa mempengaruhi kefahaman fuqaha dalam membentuk sesuatu hukum. Segala

⁶ Mahmood Zuhdi b. Hj. Abdul Majid (1992), *Sejarah Pembinaan Hukum Islam*, c. 2. Kuala Lumpur: Jabatan Penerbitan Universiti Malaya, *op.cit.*, h. 13.

⁷ Mahmood Zuhdi Hj. Ab. Majid (1999), "Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia Yang Membangun", dalam Abdul Karim Ali dan Raihanah Hj. Azahari (ed.), *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia Yang Membangun*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, h. 5.

⁸ *Ibid.*, h. 2.

⁹ Mahmood Zuhdi Hj. Ab. Majid (2001), "Pengajian Syariah: Satu Pentakrifan", dalam Mahmood Zuhdi Hj. Ab. Majid (ed.), *Dinamisme Pengajian Syariah*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, h. 5.

¹⁰ Mahmood Zuhdi Hj. Ab. Majid (2000), "Fiqh Malaysia: Konsep dan Cabaran", dalam Paizah Hj. Ismail dan Ridzwan Ahmad (ed.), *Fiqh Malaysia Ke Arah Pembinaan Fiqh Tempatan Yang Terkini*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, h. 5.

hukum yang dibentuk berdasarkan kefahaman adalah berbeza antara satu sama lain tetapi matlamatnya adalah sama iaitu untuk menjamin kemaslahatan masyarakat.

Untuk merealisasikan hukum Islam yang lebih bersifat semasa, diguna pakai dan relevan dalam konteks zaman moden ini, fuqaha hendaklah mengutamakan al-Quran dan al-Sunnah dalam memahami *khijāb* Allah yang terkandung di dalamnya dengan menggunakan sepenuhnya kaedah dan metodologi yang berkaitan sepetimana yang digaris dan diuraikan oleh para ulama terdahulu dalam kitab-kitab *Uṣūl al-Fiqh*.¹¹

Pengaruh nilai setempat dan semasa ini menjadi lebih besar lagi apabila hukum ditentukan berdasarkan adat dan kebiasaan sebagaimana yang dinyatakan oleh Mahmood Zuhdi :

Adat dan kebiasaan ini adalah konsep-konsep yang luas. Ia merangkumi bukan sahaja adat dan kebiasaan sosial yang diterima umum oleh masyarakat berkenaan, tetapi juga hakikat ilmiah yang diterima umum sebagai sesuatu yang benar dari segi keilmuan dan saintifik.¹²

Konsep ijihad memainkan peranan yang sangat penting bagi mencapai matlamat ini. Terdapat tiga proses yang terlibat dalam perlaksanaan ijihad. Ianya meliputi proses memahami wahyu dengan pendekatan semasa, realiti tempat yang akan dilaksanakan jawapan yang diselidiki dan daya penyelidik itu sendiri yang melakukan ijihad. Faktor utama yang dapat menjayakan

¹¹ Mahmood Zuhdi Hj. Ab. Majid (1999), *op.cit.*, h. 5.

¹² Mahmood Zuhdi Hj. Ab. Majid (2000), *op.cit.*, h. 13-14.

perlaksanaannya adalah dengan menerapkan pendekatan semasa dan moden bersesuaian dengan realiti tempatan.¹³

Kepentingan ijтиhad ini turut diakui oleh Yūsuf al-Qarāđāwī. Antara katanya:

Ijтиhad itu tidak terbatas pada ruang lingkup masalah-masalah baru saja, tetapi ia memiliki kepentingan lain yang berkaitan dengan khazanah hukum Islam, yaitu dengan mengadakan peninjauan kembali masalah-masalah yang ada di dalamnya berdasarkan kondisi yang terjadi pada zaman sekarang dan kebutuhan-kebutuhan manusia untuk memilih mana pendapat yang terkuat dan paling cocok, dengan merealisasikan tujuan-tujuan syariat dan kemaslahatan manusia.¹⁴

Untuk itu, dua bentuk ijтиhad yang perlu dilakukan pada masa kini ialah ijтиhad *tarjīḥi intiqā'i* dan ijтиhad *insyā'i*.¹⁵ Yang dimaksudkan ijтиhad *tarjīḥi intiqā'i* ialah memilih satu pendapat daripada beberapa pendapat fuqaha yang terkuat yang didapati di dalam warisan *fīqh* Islam yang penuh dengan fatwa dan keputusan hukum.¹⁶ Kaedah pentarjihan yang diguna pakai perlu sesuai dengan realiti semasa, bertolak ansur, lebih menjurus ke arah merealisasikan maksud-maksud *syara'*, memelihara kemaslahatan dan menolak kemudarat manusia.¹⁷ Manakala ijтиhad *insyā'i* (kreatif) pula merupakan kaedah yang melibatkan proses pengambilan kesimpulan hukum baru dari suatu persoalan yang belum pernah dikemukakan oleh ulama-ulama terdahulu.¹⁸

¹³ Rahimin Affandi Abd. Rahim (2002), "Pengajaran Sosial dan Hubungannya Dengan Pembinaan Hukum Islam Semasa: Satu Analisa", dalam *Monograf Kajian Sosial Dalam Pelbagai Perspektif*, Universiti Malaysia Sabah: Pusat Penataran Ilmu, h. 27.

¹⁴ Yūsuf al-Qarāđāwī (2000), *Ijтиhad Kontemporer Kode Etika dan Berbagai Penyimpanan*. Abu Barzani (terj.), c. 2. Surabaya: Risalah Gusti, h. 13-14.

¹⁵ *Ibid.*, h. 24.

¹⁶ *Ibid.*

¹⁷ *Ibid.*, h. 24-25.

¹⁸ *Ibid.*, h. 43.

3) Teori *al-'Urf wa al-'Ādah*. Adat dan '*urf*' telah diiktiraf sebagai salah satu sumber hukum tambahan dalam sains perundangan Islam. Asas utama penerimaannya adalah meraikan konsep *maslahah*.¹⁹ Adat dan '*urf*' yang diamalkan oleh sesebuah masyarakat boleh diambil kira dalam penetapan hukum Islam apabila ianya berkisar dalam ruang lingkupnya (*mantiqah al-'afw*)²⁰ dan berdasarkan syarat-syarat yang terkandung dalam teori *al-'Urf wa al-'Ādah*. Syarat-syarat tersebut adalah :

- 1) Adat itu tidak bertentangan dengan nas iaitu merupakan adat yang *sahīh*.
- 2) Adat itu hendaklah telah ada terlebih dahulu ketika hendak dilakukan tindakan itu dan ianya berterusan.
- 3) Adat itu hendaklah menyeluruh (غالب) (مطردا) dan meluas.
- 4) Tiada satu perkataan atau perbuatan yang secara terang menolak penggunaan adat tersebut.²¹
- 4) Teori pengaruh undang-undang Islam terhadap undang-undang adat Melayu. Orang Melayu telah mengikuti dan menerima ketetapan undang-undang adat Temenggung dan adat Perpatih dalam kehidupan sehari-hari.

¹⁹ 'Abd. al-Hamid Mutawallā (1978), *Mabādi Niżām al-Hukm fī al-Islām*, c. 3. Iskandariyyah: al-Ma'ārif, h. 79.

²⁰ Yūsuf al-Qaradāwī (1991), *al-Madkhāl li Dirāsah al-Syar'iyyah al-Islamiyyah*. Qaherah: Maktabah Wahbah, h. 152.

²¹ 'Adil b. 'Abd. al-Qādir b. Muḥammad Waliyy Qūtah (1996), *al-'Urf. Ḥujjiyyatuhu wa Atharuhu fī Fiqh al-Mu'amalāt al-Māliyyah 'inda al-Ḥanābilah* (*Dirāsah Naẓariyyah Ta'siliyyah Taṭbiqiyah*), j. 1. Mekah: al-Maktabah al-Makkiyyah, h. 226.

Penyelarasan undang-undang adat dengan undang-undang Islam ini memerlukan pendekatan yang bersifat pertengahan kerana proses penggantian adat dengan prinsip-prinsip baru khususnya Islam bukan merupakan sesuatu yang mudah.²² Di samping itu, pengaruh adat juga telah diamalkan dalam jangkamasa yang lama sebelum kedatangan Islam lagi. Oleh itu, jika pendekatan yang digunakan bersifat melampau maka sudah tentu proses pengislaman terhadap adat tidak akan berjalan dengan lancar. Walaupun begitu, proses pengubahsuaiannya terhadap undang-undang adat tetap akan berlaku bersesuaian dengan sifat Islam itu sendiri yang sentiasa bergerak seiring dengan perubahan zaman.²³ Hasilnya, undang-undang adat Melayu yang bertentangan dengan Islam telah dihapuskan manakala undang-undang adat yang tidak bertentangan akan diguna pakai selaras dengan teori *al-'Urf wa al-'Adah*.

HIPOTESIS

- 1) Formula hukum Islam ada yang bersifat kekal dan ada yang tertakluk kepada perubahan akibat pengaruh suasana semasa dan setempat.
- 2) Penetapan hukum oleh al-Quran dan al-Sunnah juga ijтиhad pada fuqaha telah mengambil kira pengaruh adat dan budaya setempat sesebuah masyarakat.

²² Sidi Gazalba (t.t.), *Asas Kebudayaan Islam Bahagian 111*. Kuala Lumpur: Perusahaan Offset Bumikita, h. 203.

²³ Abdullah Alwi Hj. Hassan (2001), "Adat Melayu Mengikut Perspektif Perundangan Islam di Malaysia", dalam Abdul Latiff Abu Bakar (ed.), *Adat Melayu Serumpun Adat Bersendi Syarak Syarak Bersendi Kitabullah*. Melaka: Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM), h. 65.

3) Fuqaha tempatan bersikap terbuka dan menerima adat Melayu yang tidak bertentangan sebagai sumber hukum Islam. Penerimaannya selaras dengan prinsip keanjalan yang terkandung di dalam Syariah Islam itu sendiri. Walaupun Islam mengamalkan sikap terbuka terhadap adat dan budaya sesebuah masyarakat, penerimaannya perlu dibuat melalui beberapa mekanisme penapisan yang khusus.

KEPENTINGAN KAJIAN

- 1) Banyak kekeliruan telah berlaku apabila menyentuh tentang adat Melayu. Ini kerana, apabila memperkatakan tentang adat Melayu minda seorang akan terus menggambarkan adat yang berkaitan istiadat. Penggunaan sempit konsep adat ini menyebabkan timbulnya salah faham dikalangan pihak-pihak tertentu yang beranggapan adat Melayu sudah lapuk dan Islam menentang pengaruh adat yang diamalkan oleh sesebuah masyarakat. Kesan salah anggap ini juga akan menyebabkan penafsiran Syariah Islam sebagai suatu hukum yang sejagat untuk pelbagai budaya masyarakat akan tertolak.
- 2) Penulisan tentang adat istiadat Melayu yang bertentangan dengan ajaran Islam telah banyak dilakukan. Implikasinya, kita hanya didedah dengan fakta yang mengatakan kebanyakan adat Melayu bertentangan dengan Islam dan tidak terdapat diantaranya yang boleh diterima pakai dalam menentukan sesuatu hukum. Oleh itu, penyelidikan secara mendalam tentang adat Melayu sebagai sumber penetapan hukum Islam di Tanah Melayu (Malaysia) perlu dijalankan. Ia penting bagi menunjukkan Syariah Islam memberi kesan terhadap

perkembangan adat Melayu seterusnya ia juga menerima pakai adat yang diamalkan oleh orang Melayu sebagai salah satu sumber pembentukan hukum.

SKOP KAJIAN

- 1) Di dalam kajian ini, penulis akan memperkatakan tentang adat Melayu yang terdapat di Semenanjung Tanah Melayu (Malaysia) sahaja. Adat mengikut pandangan orang Melayu merangkumi pelbagai aspek seperti undang-undang, adat istiadat dan adat resam. Walaupun begitu, penulis tidak akan menghurai kesemuanya tetapi hanya akan menyentuh mengenai adat kebiasaan orang Melayu yang ada kaitannya dengan teori *al-'Urf wa al-'Ādah* sahaja.
- 2) Adat yang diambil kira dalam penulisan ini merupakan adat yang diamalkan oleh orang-orang Melayu sebelum kedatangan Islam dan masih lagi kekal diamalkan hingga kini. Pembatasan yang dibuat bertepatan dengan kajian disertasi ini yang ingin menilai sejauh mana amalan adat Melayu boleh diterima sebagai sumber hukum Islam yang bersifat semasa sesuai dengan realiti di Malaysia.
- 3) Penulisan juga akan menyentuh mengenai pengaruh adat dalam kehidupan orang-orang Melayu sebelum dan selepas kedatangan Islam. Ini kerana, pengaruh adat yang diamalkan oleh orang Melayu timbul apabila bermulanya perkembangan tamadun masyarakat Melayu itu sendiri. Apabila Islam datang, barulah adat-adat ini disesuaikan mengikut ketetapan yang telah ditentukan oleh Syariah Islam. Pengaruh yang dibawa oleh Islam bukan sekadar

memperbaiki dan menghapus tetapi juga menerima pakai adat Melayu sebagai sumber hukum. Walau bagaimanapun, penerimaan tersebut perlu menepati syarat-syarat yang terkandung dalam teori *al-'Urf wa al-'Ādah*. Untuk itu, suatu kajian berbentuk perbandingan akan dilakukan bagi mengenal pasti adat yang boleh diterima dalam penetapan hukum berdasarkan realiti di Malaysia.

- 4) Di dalam penulisan ini, penulis hanya memberi penumpuan terhadap empat jenis adat Melayu sahaja iaitu harta sepencarian, hukum pusaka adat (tanah adat), adat penggandaan barangang hantaran dan sistem pawah. Pemilihan empat jenis adat Melayu ini bukanlah bererti adat-adat Melayu yang lain bertentangan dengan ajaran Islam. Ianya dikhususkan kepada empat jenis adat sahaja kerana sumber untuk mencari bahan bagi keempat-empat adat ini banyak dan mudah didapati. Di samping itu, ianya juga merupakan antara adat yang relevan dan masih lagi diamalkan dikalangan orang Melayu.

HURAIAN ISTILAH

Menurut Kamus Dewan, adat adalah peraturan yang sudah diamalkan turun-temurun (sejak dahulu kala) di dalam sesuatu masyarakat (sehingga merupakan hukum dan peraturan yang harus dipatuhi).²⁴ Perkataan Melayu pula merujuk kepada nama suatu bangsa dan bahasa (terutama di Semenanjung Tanah Melayu).²⁵

²⁴ Teuku Iskandar (1994), *Kamus Dewan*, c. 5. Kuala Lumpur: DBP, h. 7.

²⁵ *Ibid.*, h. 814.

Apabila disebut sebagai adat Melayu, ianya merupakan adat-adat yang diamalkan oleh orang Melayu di Semenanjung Malaysia. Menurut H. M Sidin :

Yang dikatakan adat oleh orang tua-tua itu sebenarnya ialah suatu kebiasaan dari suatu perbuatan yang dilang-ulang dan yang telah diterima oleh masyarakat sebagai suatu peraturan hidup yang mesti dipatuhi.²⁶

Oleh itu, adat Melayu merupakan peraturan atau amalan yang menjadi kebiasaan dikalangan orang Melayu sejak dari dahulu hingga kini.

Sumber dari segi bahasa bererti asal, mula dan punca²⁷ manakala hukum ialah peraturan yang dibuat oleh sesuatu kekuasaan (negara dan lain-lain).²⁸ Perkataan hukum berasal daripada perkataan Arab “*ḥukm*”. Ulama *uṣūl* mentafsirkan perkataan ini sebagai perintah Allah terhadap perbuatan para *mukallaf* samada perintah tersebut berkaitan dengan suatu kemestian, pilihan atau *al-wad'i*.²⁹ Namun dalam konteks kajian ini, yang dimaksudkan dengan sumber hukum ialah asas-asas yang digunakan oleh fuqaha dalam membentuk hukum Islam. Ia juga dikenali sebagai dalil-dalil hukum seperti al-Quran, al-Sunnah, *Qiyās*, *Ijmā'*, *al-Maṣlaḥah*, *al-'Urf* dan sebagainya.³⁰

Manakala teori *al-'Urf wa al-'Ādah* pula merupakan antara sumber hukum subsidiari yang dijadikan panduan oleh fuqaha untuk berijtihad dalam memahami sesuatu hukum. Penerimannya tertakluk kepada syarat-syarat tertentu yang telah ditetapkan.

²⁶ H. M Sidin (1964), *Asal Usul Adat Resam Melayu*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara, h. 1.

²⁷ Teuku Iskandar (1994), *op.cit.*, h. 1239.

²⁸ *Ibid.*, h. 432.

²⁹ 'Abd. al-Karim Zaydān (1993M/1414H), *al-Wajīz fī Uṣūl al-Fiqh*. Qaherah: Dār al-Tawzī' wa Nasyar al-Islāmiyyah, h. 23.

³⁰ *Ibid.*, h. 149.

ULASAN PENULISAN

Kajian tentang adat Melayu telah banyak dilakukan oleh penulis-penulis terdahulu. Penulisan tersebut secara umumnya boleh dikategorikan kepada dua bentuk penulisan yang utama. Kategori pertama merupakan penulisan yang berkisar tentang hubungan adat Melayu dalam kerangka masyarakat Melayu itu sendiri. Contohnya Asmad dalam penulisannya yang bertajuk *Kesenian Adat, Kepercayaan dan Petua*,³¹ Abdul Jajal Ajmain, Sim Chee Wing dan Sim Hock Hye dalam *Adat-Adat Melayu*,³² Yasin dan Abdul Aziz dalam *Adat Resam dan Kebudayaan Melayu*, H. M Sidin dalam *Asal Usul Adat Resam Melayu* dan Syed Alwi Sheikh al-Hadi dalam *Adat Resam dan Adat Istiadat Melayu*.³³ Penulis kelompok pertama ini hanya menyentuh secara umum sahaja tentang pengaruh yang dibawa oleh Islam terhadap adat Melayu.

Terdapat juga penulisan yang berkisar tentang sistem adat Melayu terutamanya adat Perpatih dan adat Temenggung seperti Abdullah Jumain Abu Samah dalam *Asal Usul Adat Perpatih dan Adat Temenggung: Suatu Analisa Tambo-Tambo Minangkabau Berdasarkan Strukturlisme*.³⁴ Penulisan beliau hanya menyentuh mengenai punca adat Melayu ini yang dikatakan berasal dari Minangkabau menggunakan kaedah strukturlisme. Begitu juga Norhalim Hj. Ibrahim dalam kajiannya *Adat Perpatih: Perbezaan dan Persamaannya Dengan*

³¹ Asmad (1990), *Kesenian Adat, Kepercayaan dan Petua*. Melaka: Associated Educational Distributors (M) Sdn. Bhd.

³² Abdul Jalal Ajmain, Sim Chee Wing dan Sim Hock Hye (1960), *Adat-Adat Melayu*. Singapura: Educational Book Center.

³³ Syed Alwi Sheikh al-Hadi (1980), *Adat Resam dan Adat Istiadat Melayu*. Kuala Lumpur: DBP.

³⁴ Abdullah Jumain Abu Samah (1985), *Asal Usul Adat Perpatih dan Adat Temenggung: Suatu Analisis Tambo-Tambo Minangkabau Berdasarkan Strukturlisme*. Selangor: UKM.

*Adat Temenggung*³⁵ Beliau juga hanya menghuraikan aspek yang terkandung dalam kedua-dua adat ini secara perbandingan.

Kategori yang kedua pula terdiri daripada penulis-penulis yang cuba menghuraikan kaitan antara adat Melayu dengan *al-'Ādah* yang diiktiraf oleh Islam secara meluas. Kajian yang dibuat adalah berbentuk analisis perbandingan. Kebanyakan penulisan akan menghurai adat Melayu serta kaitannya dengan teori *al-'Urf wa al-'Ādah* dan *al-'Ādah al-Muḥakkamah*. Walaupun begitu, kebanyakan mereka lebih tertumpu kepada aspek adat istiadat yang diamalkan oleh orang Melayu terutamanya adat istiadat yang berkaitan perkahwinan. Contohnya Amran Kasimin dalam kajiannya tentang adat istiadat perkahwinan.³⁶ Begitu juga dengan penulisan latihan ilmiah oleh Zaitun Asiah Tawab tentang *Pengamalan Adat Temenggung dikalangan Masyarakat Melayu di Perak*³⁷ dan Nazihah Salleh *'Urf dan Adat: Konsep dan Pengamalannya Dalam Masyarakat Melayu di Daerah Kemaman*.³⁸

Terdapat juga sebahagian daripada penulis kategori ini yang cuba menghuraikan aspek-aspek tertentu yang terdapat di dalam adat Melayu seperti konsep harta sepencarian, hukum adat pewarisan, kekeluargaan dan perundungan serta menganalisisnya menurut pandangan Islam. Sebagai contoh penulisan

³⁵ Norhalim Hj. Ibrahim (1993), *Adat Perpatih: Perbezaan dan Persamaannya Dengan Adat Temenggung*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.

³⁶ Amran Kasimin (1995), *Adat Istiadat Perkahwinan Melayu: Satu Kajian Perbandingan*. Kuala Lumpur: DBP.

³⁷ Zaitun Asiah Tawab (1991), "Pengamalan Adat Temenggung dikalangan Masyarakat Melayu di Perak" (Latihan Ilmiah, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

³⁸ Nazihah Salleh (1993), "'Urf dan Adat: Konsep dan Pengamalannya Dalam Masyarakat Melayu di Daerah Kemaman" (Latihan Ilmiah, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

mengenai konsep pembahagian harta sepencarian oleh Suwaid Tapah.³⁹ Namun beliau hanya menumpukan penulisan mengenai sejarah perkembangan adat harta sepencarian dan kedudukannya mengikut perundangan masa kini dan tidak menganalisisnya berpandukan teori *al-'Urf wa al-'Adah*. Walaupun begitu, penulisan mutakhir mengenai adat pembahagian harta sepencarian ini kerap juga dilakukan tetapi lebih tertumpu kepada aspek pertikaian takat sumbangan yang sepatutnya diambil kira dalam pembahagian harta tersebut.⁴⁰

Begitu juga dengan Zakaria Sam dalam *Prinsip-Prinsip Hukum Kewarisan Adat Perpatih dan Hukum Islam*. Beliau secara terperinci hanya menghuraikan mengenai adat pewarisan yang diamalkan oleh orang Melayu dan kaitannya dengan undang-undang Islam. Safrudin Halimy Kamaluddin dalam penulisan disertasinya yang bertajuk *Hukum Keluarga Adat Minangkabau: Satu Kajian Menurut Hukum Syarak* juga hanya memberi penumpuan secara khusus mengenai adat kekeluargaan Minangkabau yang dianalisis mengikut hukum *syara'*. Begitu juga penulisan oleh Abdullah Alwi Hj. Hassan mengenai *Adat Melayu Mengikut Perspektif Perundangan Islam di Malaysia*.⁴¹ Beliau hanya menyentuh mengenai pengaruh yang dibawa oleh Islam terhadap undang-undang adat Melayu.

Oleh yang demikian, penulisan tentang adat Melayu sebagai salah satu sumber pembentukan hukum Islam secara khusus yang dikaji dari aspek teori *al-'Urf wa al-'Adah* masih belum dilakukan. Teori ini pada hakikatnya merujuk

³⁹ Suwaid Tapah (1996), "Konsep dan Amalan Pembahagian Harta Sepencarian Orang-Orang Islam di Malaysia" (tesis Ph.D, Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya).

⁴⁰ Suwaid Tapah (1996), "Elemen Sumbangan Dalam Amalan Pembahagian Harta Sepencarian di Malaysia", *Monograf Syariah*, Bil. 4 Mei 1996. Lihat juga Ab. Kadir Hj. Muhammad (1996), "Harta Sepencarian: Konsep dan Perlaksanaannya di Malaysia", *Jurnal Syariah*, Jil. 4 Bil. 1 Januari 1996. Universiti Malaya: Bahagian Pengajian Syariah, APIUM.

⁴¹ Abdullah Alwi Hj. Hassan (2001), *op.cit.*, h. 51-72.

kepada al-Quran dan al-Sunnah dan ianya tertakluk kepada 4 syarat yang utama. Kajian sebegini perlu dijalankan agar ianya menjadi panduan kepada fuqaha tempatan mengenai kaedah yang sebenar dalam menilai kedudukan adat Melayu.

Bagi mencapai matlamat ini, adat Melayu hendaklah dikaji dari perspektif orang Melayu itu sendiri. Adat Melayu adalah berbeza dengan adat orang Arab kerana adat Melayu memiliki empat asas utama yang membentuknya dan berdasarkan empat asas ini barulah konsep adat disisi orang Melayu dapat difahami dengan lebih berkesan. Untuk tujuan tersebut, kajian ini juga turut menyatakan secara terperinci tentang adat Melayu yang telah dikenal pasti memenuhi kriteria-kriteria yang terkandung dalam teori *al-'Urf wa al-'Ādah* seterusnya diiktiraf sebagai salah satu sumber hukum Islam bagi masyarakat Melayu di Malaysia.

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi berasal daripada dua perkataan Yunani iaitu “*methodos*” yang bermaksud cara atau jalan dan “*logos*” yang bererti ilmu. Oleh itu, perkataan metodologi ini merujuk kepada ilmu tentang cara.⁴² Dalam bidang penulisan, metodologi merupakan kaedah-kaedah yang diguna pakai dalam menghuraikan segala data dan fakta yang telah diperolehi. Pembentukan metodologi dalam sesebuah penulisan amat penting kerana ianya akan membantu seseorang penulis menghurai sesuatu fakta yang didapati dalam penulisannya secara lebih tepat dan tersusun.

⁴² Koentjaraningrat (ed.) (1977), *Metod-Metod Penelitian Masyarakat*. Jakarta: Penerbit P.T Gremedia, h. 7.

Dalam penulisan disertasi ini terdapat dua sumber metodologi yang digunakan iaitu metodologi pengumpulan data dan penganalisaan data. Metode pengumpulan data diperolehi melalui kajian perpustakaan (*library research*). Melalui metode ini, penulis akan mendapatkan segala data dan fakta yang berbentuk primer dan sekunder untuk dikaji dan diselidiki. Data yang berbentuk primer diperolehi melalui pembacaan kitab-kitab *Uṣūl al-Fiqh* yang dikarang oleh fuqaha zaman klasik dan kontemporor. Manakala sumber sekunder pula merangkumi :

- 1) Buku-buku, jurnal dan kertas kerja yang membincangkan tentang adat-adat Melayu.
- 2) Buku-buku sosiologi dan antropologi yang membincangkan tentang kebudayaan dan peradaban masyarakat Melayu.
- 3) Kamus dan *mu'jam* bagi memperolehi pengertian istilah-istilah tertentu yang berkaitan dengan kajian ini.

Antara perpustakaan yang dikunjungi ialah :

- a. Perpustakaan Utama, Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur.
- b. Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur.
- c. Perpustakaan Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur.

- d. Perpustakaan Peringatan Za'ba, Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur.
- e. Perpustakaan Undang-Undang, Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur.
- f. Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Selangor.
- g. Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Selangor.
- h. Perpustakaan Awam Pusat Islam, Kuala Lumpur.
- i. Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

Manakala metode penganalisaan data pula secara umumnya dilakukan berasaskan kaedah analisis. Kaedah ini melibatkan analisis yang berbentuk induktif (*istiqrā'i*), deduktif (*istinbāfi*), historis (persejarahan) dan komparatif (perbandingan).

PENGANALISAAN DATA

Segala data yang telah dikumpulkan akan dianalisis berdasarkan metode-metode berikut :

1) Metode induktif (*istiqrā'i*).

Metode ini digunakan di dalam membuat kesimpulan hukum umum yang dihasilkan dari fakta-fakta khusus.⁴³ Penulis akan mengadaptasikan sepenuhnya kaedah ini di dalam penulisan bab 3. Untuk itu, penulis melakukan pembacaan terhadap buku-buku *Uṣūl al-Fiqh* yang dikarang oleh fuqaha zaman klasik dan

⁴³ Rahimin Affandi Abd. Rahim (2002), "Ke Arah Penyediaan Kaedah Penyelidikan Hukum Islam Yang Terkini: Satu Pengenalan", *Jurnal Syariah*, Jil. 10 Bil. 1 Januari 2002. Universiti Malaya: Bahagian Pengajian Syariah, APIUM, h. 13.

semasa yang membincangkan tentang keautoritian adat dalam perundangan Islam. Berdasarkan pembacaan tersebut, penulis dapat menyatakan secara umumnya bahawa hanya terdapat empat sahaja syarat di dalam teori *al-'Urf wa al-'Ādah*. Keempat-empat syarat tersebut seterusnya akan dijadikan asas bagi penganalisaan data di dalam bab 4.

2) Metode deduktif (*istinbāt*).

Melalui metode ini, penulis akan memetik kesimpulan khusus (mikro) dari data-data yang bersifat umum.⁴⁴ Dalam penulisan ini, penulis akan menggunakan di dalam bab 2 iaitu ketika membincangkan tentang konsep adat dalam *worldview* Melayu. Untuk mendapatkan maklumat tersebut, penulis akan merujuk kepada penulisan-penulisan berkaitan dengan adat dan kebudayaan Melayu yang terdiri daripada buku-buku, kertas kerja dan sebagainya. Melalui pembacaan ini, penulis dapat membuat kesimpulan secara khusus bahawa adat Melayu mempunyai cakupan yang sangat luas dan tidak terbatas kepada adat yang berkaitan dengan istiadat sahaja.

3) Metode historis (persejarahan).

Metode historis bermaksud satu proses untuk menentukan adanya pendapat yang tepat mengenai kajian.⁴⁵ Penulis menggunakan di dalam bab 2 untuk menghuraikan sejarah perkembangan alam Melayu, asal usul perkataan Melayu dan sejarah perkembangan kebudayaan Melayu. Penulis juga turut

⁴⁴ *Ibid.*, h. 12.

⁴⁵ Imam Bernadib (1982), *Arti dan Metod Sejarah Pendidikan*. Jogjakarta: Yayasan Penerbitan FIP-IKIP, h. 52.

menggunakan metode ini di dalam bab 3 dan bab 4 khususnya tentang sejarah awal penerimaan adat sebagai sumber hukum Islam dan perkembangan adat pembahagian harta sepencarian, hukum pusaka adat di Negeri Sembilan, adat penggandaan barang hantaran dan sistem pawah. Segala maklumat tentang persejarahan ini penulis perolehi melalui pembacaan terhadap buku-buku sejarah, penulisan ilmiah dan sebagainya.

4) Metode komparatif (perbandingan).

Metode komparatif pula boleh dertikan sebagai suatu cara membuat kesimpulan dengan membuat perbandingan terhadap data-data yang diperolehi.⁴⁶ Ia akan digunakan sepenuhnya di dalam penulisan bab 4 dengan melakukan suatu perbandingan antara adat Melayu dengan empat syarat yang terdapat di dalam teori *al-'Urf wa al-'Ādah*. Melalui metode ini, penulis akan dapat menilai samada adat Melayu yang masih diamalkan kini bertepatan atau tidak dengan ajaran Islam dan boleh dijadikan sebagai sumber pembentukan hukum semasa di Malaysia.

SISTEMATIKA PENULISAN

Penulisan disertasi ini dibahagikan kepada 5 bab. Dalam bab 1, penulis lebih menumpukan penulisan kepada penyediaan rangka kasar kajian atau lebih dikenali sebagai bab pendahuluan yang biasanya mengandungi pengenalan, latar belakang masalah kajian, kenyataan tentang masalah kajian, objektif kajian, kerangka teori kajian, hipotesis, kepentingan kajian, skop kajian, huraihan istilah,

⁴⁶ Abdul Halim b. Mat Diah (1987), *Suatu Contoh Tentang Huraian Metodologi*. Kuala Lumpur: Fakulti Usuluddin, Universiti Malaya, h. 39.

ulasan penulisan, metodologi kajian, penganalisaan data dan sistematika penulisan.⁴⁷ Berasaskan kerangka awal ini, penulis akan mengadaptasikan ke dalam bab yang seterusnya.

Di dalam bab 2 pula, perbincangan akan lebih memfokuskan tentang Melayu dari segi kemunculan alam Melayu, asal usul perkataan Melayu, definisi orang Melayu, kebudayaan dan konsep adat menurut persepsi Melayu. Aspek kebudayaan Melayu akan ditumpukan secara berperingkat-peringkat mengikut sejarah perkembangannya bermula zaman pengaruh Hindu-Buddha, Islam dan penjajah. Adat merupakan salah satu aspek yang terkandung di dalam kebudayaan Melayu. Oleh itu, konsep adat akan diuraikan mengikut sensibiliti orang Melayu agar ianya akan mencerminkan kedudukan sebenar adat disisi orang Melayu. Adat Melayu mempunyai empat asas penting yang membinanya dan berdasarkan inilah adat dihormati dan diikuti dalam segenap aspek kehidupan.

Setelah memperincikan penulisan mengenai adat dari perspektif orang Melayu, dalam bab 3 pula penulis akan memfokuskan perbincangan tentang kedudukan adat dalam perundangan Islam. Ia penting bagi menunjukkan hubungan antara adat Melayu dengan adat yang diiktiraf menurut hukum Islam. Perbincangan akan meliputi pengertian adat dan '*urf*, kategori, kehujahan dan syarat-syarat yang terangkum dalam teori *al-'Urf wa al-'Ādah*. Ia juga akan menyentuh mengenai kepentingan kajian kemasyarakatan terhadap perkembangan Islam serta pengaruh yang dibawa oleh Islam terhadap adat Melayu.

⁴⁷ Jawatankuasa Mengkaji Penulisan Tesis/Disertasi APIUM (2001), *Buku Panduan Penulisan Tesis/Disertasi Ijazah Tinggi*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, h. 13-16.

Selanjutnya, berdasarkan kedudukan sebenar adat dikalangan orang Melayu serta syarat-syarat yang terkandung dalam teori *al-'Urf wa al-'Adah* ini penulis akan membuat penganalisaan secara komparatif dalam bab 4. Melaluinya, penulis akan dapat mengetahui adat Melayu yang layak dikategorikan sebagai salah satu sumber perundangan tambahan yang semasa bagi masyarakat Melayu di Malaysia. Antara adat Melayu yang telah dikenal pasti sesuai dijadikan asas untuk dianalisis ialah adat pembahagian harta sepencarian, hukum pusaka adat (tanah adat) di Negeri Sembilan, adat penggandaan barang bagi pihak perempuan yang memutuskan ikatan pertunangan dan sistem pawah.

Dalam bab 5 pula, penulis mengakhiri penulisan disertasi ini dengan mengemukakan suatu penutup yang mengandungi rumusan, kesimpulan dan cadangan yang lengkap mengenai hasil yang didapati setelah kajian ini dilakukan.